



JELANI SULAIMAN

## Perancangan Strategik UiTM Kampus Kuantan

*Jelani Sulaiman*

### Pengenalan

Kampus UiTM Kuantan merangkumi dua buah kampus terletak di dua lokasi berasingan iaitu di Bukit Sekilau dan di Tanjung Api. Kedua-dua lokasi ini dianggap amat strategik di Bandar Kuantan.

Pada tahun 1985, Kampus ITM Pahang dibuka dan mempunyai pejabat pentadbiran utamanya di Bangunan DARA di Taman Gelora, Tanjung Api dan disokong oleh asrama-asrama pelajar di Bukit Sekilau dan Tanjung Api. Pada tahun 1993, semua operasi UiTM di Kuantan diberhentikan kerana berpindah ke Bandar Jengka Pusat. Bangunan pentadbiran utama yang disewa dipulangkan dan dua bangunan di Bukit Sekilau dan Tanjung Api dikosongkan. Pada tahun 1995, UiTM Kampus Kuantan bertempat di Bukit Sekilau telah dibuka semula atas keperluan untuk menjalankan program-program secara mod separuh masa iaitu PLK dan PJJ. Ketika itu ramai pelajar-pelajar tinggal di Kuantan dan tidak praktik untuk menjalankan program di Bandar Jengka. Antara program-program yang ditawarkan termasuklah AC110 Diploma Perakaunan (PLK) dan Diploma Pengurusan Perniagaan BM111 (PJJ). Pada tahun 2001, dianggarkan seramai 1,500 pelajar mengikuti program PLK dan PJJ di Kampus UiTM Kuantan Bukit Sekilau. Namun begitu, bilik-bilik asrama Bukit Sekilau yang boleh memuatkan seramai 300 pelajar tidak diguna sepenuhnya kerana ketiadaan program-program sepenuh masa. Pada akhir tahun 2004, kampus Asrama Remaja di Tanjung Api siap dibaikpulih dan dibuka semula. Seramai 60 pelajar PI020 Pra-Ijazah Pendidikan TESL sepenuh masa telah ditempatkan di situ dan pada tahun 2006, seramai 100 pelajar PI005 Pra-Ijazah Undang-Undang sepenuh masa telah dibawa masuk untuk melengkapkan penggunaan Asrama Remaja di Tanjung Api. Pada tahun 2007, jumlah pelajar dijangka keseluruhan di Kuantan akan meningkat ke angka 280 pelajar sepenuh masa dan 210 pelajar separuh masa. Ini mengambil kira perancangan untuk membuka program-program baru dalam kedua-dua mod pembelajaran. Pada tahun 2008 dan 2009, jumlah pelajar terutamanya dalam mod sepenuh masa akan terus meningkat memandangkan kerja-kerja membaikpulih dua blok bangunan asrama dan akademik/pentadbiran dijangka siap dan seramai 360 pelajar sepenuh masa boleh ditempatkan di asrama Kampus Bukit Sekilau. Perancangan akademik melibatkan pembukaan program-program sepenuh masa di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang TESL, Undang-Undang dan Pentadbiran Korporat. Pada tahun 2010, adalah dijangkakan jumlah pelajar di kedua-dua kampus di Kuantan akan mencecah angka 565 pelajar sepenuh masa dan 320 pelajar separuh masa.

### Dasar, Matlamat dan Pelan Tindakan

*Dasar*

Menyediakan pendidikan berkualiti selari dengan aspirasi, visi dan misi UiTM Negeri Pahang, khususnya dan UiTM Pusat, amnya.

### *Matlamat*

- Menghasilkan graduan yang berpengetahuan serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan.
- Menghasilkan graduan yang inovatif, mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi (berfikiran analitikal dan kritikal, berupaya menyelesaikan masalah), menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan komunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk memberi sumbang bakti kepada masyarakat, negara dan dunia.
- Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Bahasa untuk menjana hasil-hasil penyelidikan di samping memusatkan kegiatan latihan dan perbincangan ilmu dalam pendidikan bahasa bagi kawasan Pantai Timur.

### *Pelan Tindakan*

#### i. Akademik

- Menjalankan program peringkat ASASI, Diploma Lanjutan atau Ijazah, dan Pasca Siswazah secara sepenuh masa dan separuh masa.
- Meningkat pengambilan pensyarah tetap sehingga 25 orang atas nisbah pensyarah pelajar 1:20.
- Menambah bilangan pensyarah berkelayakan Ph.D kepada 6 orang dalam bidang-bidang tertentu.
- Meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil penyelidikan dan penulisan kepada 2 hasil karya dalam setahun bagi setiap pensyarah.

#### ii. Infrastruktur

- Menaiktaraf semua bilik kuliah sedia ada berstatus TEC atau separuh TEC.
- Mengujudkan 2 dewan kuliah yang boleh memuatkan 150 pelajar.
- Mengujudkan 1 perpustakaan yang lengkap untuk kapasiti 150 orang pelajar.
- Menambah makmal computer kepada 5 buah.
- Membina 1 dewan makan dan serbaguna secara terbuka.
- Ubahsuai bilik untuk pensyarah 1 pensyarah 1 bilik dengan kemudahan ICT lengkap.

- Menaiktaraf bangunan pentadbiran dan asrama.

iii. Pentadbiran

- Menambah staf pentadbiran dan sokongan kepada 50 orang.
- Mengujudkan dan mengisikan jawatan Penolong Pendaftar dan jawatan-jawatan pentadbiran yang kritikal

iv. Pelajar

- Meningkatkan jumlah pelajar kepada 500 pelajar sepenuh masa dan 350 pelajar separuh masa.
- Menghasilkan kelulusan 90% daripada jumlah kemasukan dan tamat dengan 50% mendapat minima CGPA 3.0.
- Menghasilkan graduan yang berkualiti, berdaya saing, ‘employability’ tinggi dan ‘internationally marketable’.

## Program-Program Akademik

Pada dasarnya, UiTM Kuantan seharusnya menawarkan program-program akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan ke atas. Ini memandangkan kampus ini terletak di Bandar Kuantan dan di‘cabar’ oleh institusi-institusi pengajian tinggi lain seperti UiAM, UMP, IKIP, Kolej Shahputra, KIPSAS dan lain-lain. Dengan menawarkan program-program tersebut, imej UiTM dapat diperteguhkan dan kredibilitinya sebagai universiti Bumiputera unggul dapat dipertahankan. Buat masa ini, UiTM Kuantan menawarkan program-program berikut:

*Sepenuh Masa*

|       |            |
|-------|------------|
| PI020 | ASASI TESL |
| PI005 | ASASI LAW  |

*Separuh Masa*

Pengajian Luar Kampus (PLK)

|       |                                |
|-------|--------------------------------|
| BM771 | EMBA                           |
| ED220 | BAC. PEND. TESL                |
| LW213 | BAC. PEND. PENG. UNDANG-UNDANG |
| AM225 | BAC. PENT. KORPORAT            |
| AC220 | BAC. PERAKAUNAN                |
| AC110 | DIP. PERAKAUNAN                |

Pendidikan Jarak Jauh (e-PJJ)

AM110 DIP. PENT. AWAM

Perancangan masa depan adalah untuk membuka program-program Bacelor dan Master yang mempunyai pasaran yang baik. Ini termasuklah:

*Sepenuh Masa*

ED220 BAC. PEND. TESL  
LW213 BAC. PEND. PENG. UNDANG-UNDANG  
LG221 BAC. APPLIED LANGUAGE STUDIES  
OM221 BAC. PENGURUSAN PEJABAT  
AC220 BAC. PERAKAUNAN  
AM225 BAC. PENT. KORPORAT

*Separuh Masa*

Pengajian Luar Kampus (PLK)

LW771 MASTER IN LAW STUDIES  
ED771 MASTER IN TESL

## **Aktiviti-Aktiviti Menjana Pendapatan**

*Akademik*

Kursus Jangka Pendek

- Motivasi untuk Pelajar-Pelajar Sekolah (UPSR, PMR, SPM, STPM)
- Pembentukan Peribadi dan Kemahiran Pengurusan
- Ilmu Agama dan Bahasa Arab
- Bahasa Asia dan Eropah

*Bukan Akademik*

Penyewaan Aset

- Sewa Rumah Tamu
- Sewa Asrama
- Sewa Dewan dan Bilik Kuliah

## **Penutup**

Kewujudan UiTM di Bandar Kuantan, Pahang dijangka bertambah kukuh dan akan memainkan peranan penting ke arah membuka lebih banyak peluang-peluang pendidikan bagi penduduk-penduduk di Pahang, khususnya, pada peringkat Pra-Ijazah dan Ijazah Sarjana serta Sarjana.

Perancangan untuk menjadikan Kampus Padang Lalang sebagai Pusat Latihan dan Penyelidikan dalam bidang Bahasa dan Pendidikan akan membolehkan ilmu-ilmu baru disebarluaskan untuk kepentingan masyarakat secara umum. Di samping itu, usaha ini akan meletakkan peranan UiTM Kuantan sebagai penyebar ilmu pendidikan yang utama di kawasan Pantai Timur. Tambahan lagi, perancangan untuk membuka kampus baru di Gambang/Pekan, bagi bidang Kejuruteraan, ICT dan Sains Tulin akan mengukuhkan lagi status UiTM di Pahang dan membantu Kerajaan Negeri Pahang dalam meningkatkan lagi prestasi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Sains dan Teknologi di kalangan rakyat negeri ini khususnya.

---

JELANI SULAIMAN, Koordinator UiTM Kampus Kuantan. [jelani@pahang.uitm.edu.my](mailto:jelani@pahang.uitm.edu.my)